

**Pemikiran Dakwah Muhammad Uthman EI-Muhammady Dan Kesannya Terhadap Islam di Malaysia**  
***Muhammad Uthman EI-Muhammady's Da'wah Thought And Impact on Islam in Malaysia***

Mohd Ammyrul Ashraf Sairan<sup>1</sup> & Shukri Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pelajar PhD, Universiti Utara Malaysia, [ammyashraf@gmail.com](mailto:ammyashraf@gmail.com)

<sup>2</sup>Pensyarah, Universiti Utara Malaysia, [shuk@uum.edu.my](mailto:shuk@uum.edu.my)

<sup>\*</sup>Penulis Penghubung: Mohd Ammyrul Ashraf Sairan

Artikel diterima: 20 Ogos 2019

Selepas Pembetulan: 30 September 2019

Diterima untuk terbit: 15 November 2019

**ABSTRACT**

*This article to examines about development of EI-Muhammady's preaching thought. EI-Muhammady's preaching thoughts include five important issue; the law of da'wah, da'wah topic (maddah al-da'wah), the target (mad'u), method of da'wah (tariqat al-da'wah) and the goal (maqasid al-da'wah). Using a qualitative approach, this study is based on two methods of assessment, namely data collection and data analysis. In the data collection methods are used to collect data that has related to Da'wah EI-Muhammady. In the process of data analysis, deductive methods are used to generate or collect information continuously to clarify the problems studied. The study found that the statue quo of da'wah EI-Muhammady did not prevent him from thinking and concerned about the position of religion, aqeedah and da'wah to the people*

**Keyword:** *Da'wah thought, EI-Muhammady, bi al-Lisan, bi-Lisan al-Hal, bi al-kitabah*

**ABSTRAK**

Artikel ini bagi meneliti pembangunan dan pengembangan pemikiran dakwah EI-Muhammady. Pemikiran dakwah EI-Muhammady merangkumi lima persoalan penting dalam melakukan dakwah iaitu hukum berdakwah, topik dalam berdakwah (maddah al-da'wah), sasaran dakwah (mad'u), kaedah dalam berdakwah (tariqat al-da'wah) dan matlamat dalam berdakwah (maqasid al-dak'wah). Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan cara pengumpulan data dan analisis data. Dalam kaedah pengumpulan data, penulis mengumpulkan data-data yang mempunyai perkaitan dengan dakwah EI-Muhammady. Kaedah deduktif turut diguna pakai untuk mengumpulkan maklumat bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Kajian ini mendapati pemikiran dakwah EI-Muhammady yang bersifat *status-quo* tidak menghalangnya dari berfikir dan prihatin tentang kedudukan agama, akidah dan dakwah kepada ummah.

**Kata kunci:** *pemikiran dakwah, El-Muhammady, bi al-Lisan, bi-Lisan al-Hal, bi al-kitabah*

## 1.0 Pengenalan

Islam adalah satu sistem yang lengkap dan menyeluruh serta merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Keberadaan Islam adalah sama pentingnya dengan berdakwah. Antara dakwah dan Islam tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain (Abdul Kareem, 1987). Seperti kata pepatah 'bagaikan isi dengan kuku'. Seperti yang telah di ketahui, dakwah merupakan usaha bagi mengajak, mempengaruhi dan menyeru manusia bagi berpegang kepada ajaran Allah SWT, terutamanya bagi memperoleh akan kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Aidh Abdullah, 2007).

Di dalam Islam dan dakwah terdapat sejumlah peraturan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya, iaitu Nabi Muhammad SAW yang memerihalkan tentang, akhlak, ibadah, akidah, muamalat dan segala perkara yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah yang telah diperintahkan oleh Allah SWT supaya baginda menyampaikannya kepada seluruh umat manusia (Muhammad Uthman, 2004C).

Hal ini menunjukkan dalam membicarakan tentang dakwah, perkara yang harus di tekankan adalah menyeru setiap manusia agar menegakkan agama, menguatkannya, menjaganya daripada sebarang gangguan, meneruskan keberadaannya dan perlaksanaannya terhadap umat. Maka, dalam hal ini alam ini dijadikan bagi memastikan manusia mengenal Tuhan, sujud kepadanya dan beribadat kepadanya berserta melakukan amal salih yang telah menjadi faktor kesejahteraan manusia di dunia dan juga di akhirat.

## 2.0 Kajian Lepas

Zulkifli Hassan (2013) menerusi artikelnya "*Yusuf al-Qaradawi and contribution of his thoughts*", membincangkan tentang seorang pemikir Islam kontemporari yang berpandangan sederhana namun dianggap kontroversi oleh seterusnya. Qaradawi juga dianggap sebagai seorang sarjana Islam yang syumul, intelektual dalam aspek kepimpinan, penulis yang tersohor dan seorang aktivis Islam yang pernah aktif dalam pergerakan *Muslim Brotherhood*. Atas faktor inilah pemikiran intelektual Qaradawi dianalisa bagi melihat kepentingan dan sumbangan pemikirannya terhadap masyarakat Islam seluruh dunia terutamanya di Malaysia.

Raihaniah (2014), dalam "*pemikiran pendidikan Islam Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Analisis terhadap kitab Miftah Dar al-Sa'adah*" menjelaskan akan kehebatan kitab "*Miftah Dar al-Sa'adah*" menerusi teori pemikiran pendidikan Islam menerusi aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi pendidikan Islam. Ibn Qayyim menjelaskan, aspek seperti metafizik, epistemologi dan aksiologi haruslah di titik beratkan dalam pembentukan falsafah pendidikan dan hal ini tidak dapat dipinjam atau ditiru. Justeru, falsafah pendidikan haruslah dibina berasaskan kerangka kewujudan agama, kebudayaan, kesatuan dan kepelbagaian, kelemahan serta kekuatan yang dimiliki masyarakat. Namun, artikel tersebut hanya melihat pandangan dan sumbangan tokoh dari kerangka teori dan idea semata-mata. Oleh itu, analisis pemikiran El-Muhammady dalam konteks dakwah akan lebih memberi fokus kepada konsep dan pemikiran tokoh,

serta sumbangan idea dalam merealisasikan pembangunan dan perkembangan Islam dalam negara melalui kajian ini.

### 3.0 Metodologi

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk pemikiran dan tokoh, maka jenis penelitian kajian yang bersesuaian adalah berbentuk kualitatif. kualitatif sangat bersesuaian berikutan kajian ini tidak menggunakan sebarang angka atau nombor ketika mengolah dapatan data. Selain itu, kaedah ini dipilih kerana memerlukan penjelasan dan penghuraian yang jelas dalam kajian berserta aliran peristiwa yang mampu memberikan penghuraian dan dapatan yang lebih baik. Selain daripada itu, penyelidikan jenis ini dikatakan dapat memberi maklumat tentang pemahaman, pengalaman dan perasaan subjek. (Chodwick, 1991).

Penelitian terhadap data primer dan sekunder akan digunakan bagi menganalisis data-data. Data primer tersebut boleh berupa buku, kertas kerja, artikel, buku terjemahan dan video seperti ceramah dan syarahan yang boleh diperoleh di Youtube, perpustakaan dan arkib negara yang turut dijadikan sebagai sumber utama. Oleh kerana kajian ini merupakan penelitian terhadap tokoh yang bersifat kualitatif, maka kajian ini akan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Bell (2001) menyatakan, *content analysis* atau analisis kandungan adalah kaedah dalam mengumpul data dan menganalisis kandungan sesebuah teks secara mendalam. Sumber seperti bahan bertulis, simbol, gagasan dan pelbagai bentuk maklumat yang dapat di komunikasi boleh dikategorikan sebagai teks. Justeru kajian ini adalah bagi meneliti pembangunan dan pengembangan pemikiran dakwah El-Muhammady di Malaysia.

### 4.0 Hubungan antara Islam dan Dakwah

Merujuk kepada perjalanan para pendakwah terdahulu, mereka berkemungkinan menghadapi pelbagai ujian daripada Allah SWT SWT dalam pelbagai bentuk ujian dan tahap ujian (H. Abdullah, 2010). Dalam situasi seperti ini, El-Muhammady menasihati supaya kembali kepada Allah SWT seperti yang terkandung di dalam al-Quran dengan bersabar dan bersifat tawakal serta tidak berputus-asa dalam usaha dakwah akibat daripada ujian-ujian tersebut (Muhammad Uthman, 2004F). Menurut El-Muhammady (1982) ini menunjukkan bahawa ujian-ujian yang hadir tersebut adalah bagi meningkatkan martabat seseorang itu di sisi Allah SWT dengan memberi kesedaran kepada mereka bahawa cubaan atau ujian tersebut pada hakikatnya datang daripada Allah SWT yang menyuruh dan menggalakkan lagi usaha dakwah tersebut. Bahkan dalam situasi seperti ini para pendakwah tersangatlah mengharap akan pertolongan daripada Allah SWT SWT (Muhammad Uthman, 1982).

Ketika membahaskan tentang hubungan antara Islam dan dakwah ini, El-Muhammady mengutip ayat al-Quran surah al-Saba ayat ke-28 dan *al-Anbiya* ayat ke-107. Berdasarkan firman Allah SWT SWT tersebut, beliau menegaskan bahawa Islam adalah sebuah agama rahmat (*rahmah li al-alamin*) yang bersifat sejagat (Muhammad Uthman, 2002C). Maka sifat kesejagatan Islam menurut El-Muhammady (2002C) adalah Islam bukan sebuah agama yang hanya diturunkan kepada penduduk Arab semata-mata, namun adalah untuk umat manusia secara keseluruhan bahkan bagi

seluruh isi alam. Maka, dakwah itu haruslah berlangsung sepanjang masa, yakni dari satu generasi ke satu generasi dan dari zaman ke zaman selanjutnya. Bagi memastikan kelangsungan hal tersebut, maka aktiviti berdakwah haruslah sentiasa diperbaharui. Dengan lebih tegas El-Muhammady menyatakan;

“Dakwah tidak seharusnya membeku dalam membentuk seruan-seruan retorik semata-mata. *Amr Ma'ruf* harus lebih banyak digarap secara Lisan al-Hal – dengan khidmat amal bakti dengan model teladan, dengan sarana dan program konkrit.”

(Siddiq Fadhil, 2005:80).

Selain itu, El-Muhammady (2004D) turut menganjurkan agar aktiviti dakwah haruslah menjadi penggerak bersama di kalangan umat Islam. Sekiranya hal ini tidak dilaksanakan, maka kemungkaran akan lebih berleluasa dari yang *makruf*. Justeru, dalam keadaan yang sedemikian masyarakat tidak akan berani lagi mengatakan Islam sebagai sebuah kebenaran yang datangnya daripada Allah SWT SWT, melainkan mereka hanya mampu berdiam diri sahaja. Dari penjelasan di atas, jelaslah membuktikan berdakwah adalah ciri utama bagi merealisasikan kebaikan bagi umat manusia keseluruhannya. Maka, pemahaman tentang agama Islam yang datangnya sebagai agama kebenaran daripada Allah SWT SWT hanya dapat disampaikan menerusi aktiviti berdakwah. Maka, kehidupan setiap Muslim akan menjadi lebih bermakna di sisi Allah SWT SWT apabila di isi dengan aktiviti berdakwah.

## 5.0 Hukum Berdakwah

Setiap Muslim berkewajiban untuk menyampaikan dakwah Islam mereka kepada seluruh umat manusia sehingga mereka merasakan wujudnya ketenteraman dan kedamaian dalam hati. Bagi menghuraikan hukum berdakwah ini, El-Muhammady (2003) menjelaskan bahawa pada dasarnya dakwah adalah sifat Nubuwwah, yakni kewajiban berdakwah ke atas para Nabi. El-Muhammady (2012) menjelaskan lagi bahawa rasul-rasul yang mencapai martabat bagi memegang kekuasaan supaya melancarkan urusan dakwah ialah Nabi Yusuf a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Daud a.s, Nabi Sulaiman a.s, dan Nabi Muhammad SAW. Sebagai contoh, di Madinah baginda berkuasa selama 10 tahun. Berikutnya kewajiban dan perjuangan dakwah diteruskan oleh para sahabat dan *tabiin*. Para Sahabat kesemuanya adalah pendakwah yang terulung sehinggalah di teruskan oleh para khalifah seperti Umar bin Abd. Aziz (Abdullah, 2007). Akhirnya kewajiban itu kini dilakukan oleh para ulama dan ilmuan dan tidak terlepas juga bagi orang awam mengikut kadar dan kemampuan masing-masing serta mempunyai persiapan yang seperlunya (Muhammad Uthman, 2012C).

Bagi menghuraikan hukum berdakwah, El-Muhammady berteraskan kepada firman Allah SWT SWT menerusi surah al-Nahl: ayat ke-125 yang bermaksud

“Ertinya: Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui

akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.”

(Muhammad Uthman, 2012C:36).

Maka, Rasulullah SAW bersabda supaya memerintahkan manusia agar menyampaikan sesuatu yang datangnya daripada Rasul, walaupun hanya satu ayat sahaja kepada orang lain. Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW memerintahkan untuk menyebarkan maklumat dan dakwah yang datangnya daripada beliau sendiri (Muhammad Uthman, 2012C). Hal ini jelas menunjukkan bahawa dasar hukum dakwah itu iaitu menyeru manusia kepada *amar makruf nahi Munkar* adalah wajib serta harus dilakukan oleh seorang Muslim sungguhpun hanya menyampaikan satu perintah ataupun satu ayat sahaja (Muhammad Uthman, 2008B).

Justeru, dalam berdakwah hubungan sesama Muslim haruslah sentiasa saling menasihati atau memperingatkan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kebaikan meskipun dalam perkara berkenaan kesabaran. Oleh itu sangat rugilah bagi umat Islam yang tidak beriman serta tidak beramal soleh dan meninggalkan segala perintah untuk saling menasihati atau mengingatkan antara satu sama lain sesama Muslim.

## 6.0 Sasaran Dakwah

Sebagai sebuah agama yang universal, maka aktiviti dakwah Islam itu juga harus bersifat universal. Menurut El-Muhammady (2012B), sasaran dakwah seharusnya tidak hanya tertumpu pada kelompok dalaman umat Islam sahaja tetapi turut juga dikalangan masyarakat luar. Bagi El-Muhammady dakwah terhadap kelompok dalaman bertujuan bagi mempertingkatkan kualiti iman, ilmu dan amal. Selain itu, bertujuan bagi membangunkan tamadun dan peradaban umat Islam dari aspek ekonomi, sosial dan juga politik yang lebih berteraskan kepada nilai-nilai tauhid. Bagi dakwah secara luaran pula, El-Muhammady (2012B) menyatakan terdapat dua faktor. Pertama adalah bagi mendekati mereka dengan Islam. Faktor kedua adalah untuk menangkis segala tuduhan dan serangan berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu, matlamat kedua-duanya adalah sangat penting berikutan sudah ada serangan dan tuduhan yang melampau kepada agama Islam, terutama kepada Nabi Muhammad SAW dan kaum Muslimin. Justeru media-media Barat sering menggambarkan hal yang negatif apabila berhubungan dengan dunia Islam ekoran tidak memperoleh maklumat yang tepat berkenaanya.

Selain itu, menerusi pandangan Syeikh Abdullah al-Haddad, El-Muhammady (2012C) berpendapat bahawa dakwah haruslah dijalankan kepada semua golongan masyarakat seperti

“golongan ulama, para ahli’ibadat dan orang-orang zahid, para umara dan salatin serta mereka yang menjaga urusan am (wulat al-umur) Muslim, ahli perniagaan, pertanian dan pertukangan, orang-orang khafir dan daif serta mereka yang terkenal bala, dakwah kepada mereka yang menjadi pengikut-pengikut di bawah jagaanorang yang terpengaruh,

termasuk kanak-kanak, para wanita dan hamba orang (sekarang diharamkan oleh undang-undang), dakwah kepada orang-orang yang taat dan juga yang melakukan maksiat.”

(Muhammad Uthman, 2012C:8)

Bagi memastikan dakwah yang dijalankan kepada golongan sasaran lebih berkesan maka aktiviti dakwah tersebut haruslah dilakukan oleh mereka yang layak dan cukup bersedia dari aspek keperibadian, keilmuan dan kemahiran dakwah itu sendiri. Untuk menjayakan sesuatu aktiviti dakwah itu bukanlah suatu tugas yang mudah namun hal ini haruslah tetap di teruskan oleh mereka yang layak mengikut kepada kadar kemampuan masing-masing.

## 7.0 Matlamat Berdakwah

Dakwah bermatlamat bagi membentuk jati diri masyarakat Islam sebagai umat yang terbaik yang terhasil daripada seruan dakwah. Menurut El-Muhammady perkara ini seperti yang terlihat dalam surah ali' Imran ayat: 110 yang berbunyi;

“Ertinya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah SWT (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang fasik.”

(Muhammad Uthman, 2012C:6)

Namun demikian El-Muhammady (2003D) memperingatkan umat Islam agar tidak hilang fokus dan pedoman ketika berdakwah, berikutan umat Islam masih mempunyai tanggungjawab dan tugas sebagai *muhaiminan alaihi* dalam berhubung dengan ajaran agama yang diterima dari para Nabi terutama dari Nabi Muhammad SAW. Tambah El-Muhammady (2014E) lagi, jelaslah menunjukkan bahawa dalam ajaran al-Quran, alam ini di jadikan untuk manusia untuk dinikmati agar mengenal akan tuhan, supaya mereka beribadat kepada-Nya dan melakukan perbuatan amalan yang *salih*. Dengan ini akan mendatangkan kehidupan yang lebih bermakna dan mendatangkan kepuasan dan kebahagiaan kepada umat manusia. Beliau juga menyatakan bahawa amalan-amalan lain yang dilakukan oleh manusia turut akan memberi makna dan erti dalam konteks pandangan hidup yang sedemikian. Maka seruan kepada dakwah adalah seruan yang menjurus kepada kehidupan yang sedemikian (Muhammad Uthman 2012C).

Peristiwa kerajaan Andalusia telah memberi pengajaran penting. Ini kerana pada zaman tersebut dasar pengetahuan dianggap sebagai tidak berguna dan kebebasan dikatakan sebagai kemunduran iman. Ternyata peristiwa ini memberi pengajaran bahawa bertapa bahayanya budaya fanatik dan budaya kebebasan yang disifatkan

sebagai kemunduran iman itu. Hal ini menunjukkan bahawa kepentingan berdakwah itu agar umat manusia sentiasa terdidik dan patuh kepada syariat Allah SWT supaya peristiwa seperti perpecahan umat ini tidak berlaku. Hal ini seperti yang disebut dalam hadis berkenaan berdakwah iaitu:

“Ertinya: Sesiapa dari kalangan kamu yang melihat kemungkinan hendaklah mengbuah dengan tangannya (atau kekuasaannya), kalau ia tidak berupaya melakukan demikian, ubahlah dengan percakapannya, kalau tidak mampu (juga) ubahlah dengan kalbunya (dalam hatinya) itu adalah sedhaif-daif iman.” – Sahih Muslim, Abu Said al-Khudri”

(Muhammad Uthman, 2012C:5).

Justeru, matlamat berdakwah mengikut pandangan El-Muhammady sebagai sebuah rahmat sekian alam (*rahmah lil al-alam*). Maka, konsep rahmat itu haruslah disosialisasikan oleh pendakwah seperti yang diajarkan oleh Islam Ahli Sunah Wal-Jamaah agar manusia dapat mengenali pencipta-Nya sehinggalah memperoleh kebahagiaan dunia dan di akhirat.

## 8.0 Topik Berdakwah

Topik sesuatu dakwah itu haruslah tertumpu kepada prinsip dan nilai-nilai dalam wacana Ahli Sunah Wal-Jamaah dengan menyeru umat Islam agar kembali kepada falsafah arus perdana yang merangkumi perihal tentang pengajaran berkenaan adab *ikhtilaf* agar perkara seperti perpecahan dikalangan umat dapat dielakan (Muhammad Uthman, 2012C). Selain itu, El-Muhammady menyarankan agar para pendakwah menyampaikan dakwah mereka dengan tema-tema seperti *busyra* dan *inzar* dengan memperingatkan tentang kehidupan di akhirat dan melarang pendakwah agar tidak mereka-reka ketika berdakwah seperti perbuatan sesetengah pendakwah yang pernah terjadi di dalam masyarakat suatu ketika dahulu (Ismail Mina, 2014).

Menurut El-Muhammady (2012C) ketika berdakwah topik seperti pelaksanaan Sekularisme, Pluralisme Islam dan sebagainya, haruslah dielakkan kerana tanpa pengetahuan dan pengertian yang betul boleh membawa kerosakan pemikiran dan dapat menimbulkan permasalahan sosial yang lain. Misalnya penggunaan buku akademik seperti “*Nationalism and Globalization East and West*” hasil penulisan Leo Suryadinata dalam dakwah Islam bagaikan ‘meletak pisau di leher’ dalam mengembangkan dakwah Islamiyah. Maka, hal ini menjadi satu keperluan bagi umat Islam agar mengelak daripada terpesona dan terperdaya dengan falsafah dari tokoh-tokoh tertentu dengan secara tidak langsung akan membuatkan masyarakat Islam meminggirkan ajaran dan falsafah Ahli Sunnah Wal-Jamaah sama ada dari segi rohani mahupun intelektualnya (Muhammad Uthman, 2012B).

Maka, usaha yang lebih kuat haruslah dijalankan oleh pendakwah menerusi wacana arus perdana memandangkan hanya dengan cara ini sahaja yang mampu mengembalikan kekuatan dalam menyelamatkan agama, negara dan umat Islam daripada ancaman pemikiran barat (Muhammad Uthman, 2011C). El-Muhammady (2012C) juga mengingatkan agar membicarakan topik-topik berkaitan kepentingan dalam memupuk perpaduan dan mengelak daripada berlakunya perpecahan dalam

usaha menegakkan agama. Ayat 13 Surah al-Syura ada menerangkan tentang berpecah-belah yang bermaksud;

“Allah SWT telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang ia tetapkan hukumnya apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh dan yang telah kami (Allah SWT) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan juga yang telah kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: Tegakkanlah pendirian agama dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya.”

(Muhammad Uthman, 2012C:13)

Justeru, masyarakat haruslah melihat perkara ini dalam isu yang lebih meluas dan tidak hanya melihat dalam aspek politik semata-mata. Ini kerana seandainya umat Islam mula terpengaruh dengan aliran Barat dengan pemikiran daripada tokoh-tokoh tertentu hal ini bukan sahaja akan membuatkan masyarakat menjadi jauh dengan fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah bahkan, akan membawa kepada perpecahan dan kekaburan dalam falsafah Islam (Muhammad Uthman, 2007F).

Selanjutnya, isu dakwah yang ingin disampaikan itu juga haruslah tentang keberadaan Nabi Muhammad SAW dan para rasul yang lain. Ini kerana perkara-perkara sebegini dapat difahami daripada al-Quran. Maka dengan ini, pendakwah haruslah mengajak dan membawa sasaran dakwah untuk mendekatkan diri dengan al-Quran. Selain itu, al-Quran juga tidak hanya dijadikan untuk dibaca, malah turu berfungsi sebagai pengajaran, ideologi bernegara, ilmu, kehidupan seharian dan sebagainya. Topik yang dibawa juga harus berkeupayaan untuk membawa sasaran dakwah untuk mendalami hadis. Seterusnya dengan harapan mereka dapat beramal dengan hadis.

## 9.0 Kaedah Berdakwah

Terdapat tiga kaedah dakwah iaitu kaedah dakwah *bi al-Lisan*, dakwah *bi al-kitabah* dan dakwah *bi al-Hal*.

### 9.1 Dakwah *bi al-Lisan*

Menurut Syaikh Akram Kassab, menjelaskan bahawa dakwah *bi al-lisan* merupakan sebuah teknik atau kaedah berdakwah yang banyak diwarnai oleh perwatakan berbicara seorang *da'i* atau mubaligh ketika berceramah atau melakukan aktiviti dakwah (Abdul Aziz, 2001). Abdul Aziz (2006), pula menerangkan bahawa kaedah dakwah ini dilakukan oleh individu dengan menggunakan kemahiran lisannya ketika beraktiviti dakwah menerusi percakapan yang biasanya dilakukan ketika berceramah, berpidato, berkhotbah dan sebagainya.

Dasar dan prinsip berdakwah *bi al-lisan* yang paling utama adalah menyeru kepada *amar makruf* dan *nahi mungkar* dalam semua tahap dan dimensi. Dalam melaksanakan prinsip *amar makruf* dan *nahi mungkar* ini, beberapa prinsip dan

pertimbangan harus diambil kira dan dilaksanakan secara berhikmah seperti yang diajar oleh al-Ghazali dan para ulama yang lain.

Selain itu, El-Muhammady (2015E) juga menggalakan para pendakwah untuk berdakwah melalui hikmah kebijaksanaan yang tinggi tanpa alasan, teknik dan strategi serta maksud dan helah duniawi. Helah yang dimaksudkan adalah mengambil hati sehingga tidak bertentangan dengan batas-batas hak keagamaan. Pendakwah boleh memberi pengajaran serta tauladan yang baik dan berbahas dengan menggunakan kaedah-kaedah yang paling baik dalam setiap dimensi ilmu dan juga perspektif. Hal ini sebagaimana yang di firman oleh Allah SWT dalam surah *al-Nisa* ayat ke-9 yang bermaksud,

“Ertinya: Dan hendaklah takut kepada Allah SWT orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah SWT dan hendaklah mereka mengucapkan Perkataan yang benar.”

(Muhammad Uthman, 2010E:53).

## 9.2 Dakwah *bi al-kitabah*

Suatu seni dalam pendekatan dakwah dan bentuk jihad menerusi penulisan adalah bentuk dakwah yang dikenali sebagai dakwah *bi al-kitabah*. Pengertian yang diberikan oleh Kasman (2004) mendefinisikan dakwah *bi al-kitabah* sebagai mengajak manusia dengan cara yang bijaksana ke arah jalan yang benar seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT menerusi seni tulisan. Pengisian dan objektif dakwah *al-kitabah* ini lazimnya lebih meluas memandangkan mesej dakwah yang ingin disampaikan dan maklumat berkenaan ajaran Islam itu ditulis dan dapat dibaca oleh masyarakat daripada pelbagai golongan (Zikmal, 2011).

Bagi El-Muhammady (2010F), mereka yang terlibat dengan penulisan, akan sentiasa menghasilkan cara kerja yang lebih teratur dan tersusun, berserta dengan niat yang murni, yang merupakan limpahan Rahmat Tuhan dalam pembangunan peradaban Islam dan sejarah ketamadunan manusia. Hal ini bermakna, mereka yang terlibat dalam aktiviti penulisan yang benar dan baik adalah individu yang mengambil sikap bertanggungjawab dalam menyebarkan dan mengembangkan rahmat Tuhan dalam kehidupan manusia.

Selain itu, El-Muhammady juga berpendapat (1996C) masyarakat juga memerlukan tulisan-tulisan Islam yang membicarakan tentang permasalahan keperluan dalam menjaga kebersihan dan alam sekitar, dengan meletakkan huraian-huraian yang berteraskan al-Quran, al-Sunnah dan tradisi keilmuan Islam yang sememangnya banyak membicarakan tentang keperluan dalam menjaga alam sekitar dan kebersihan. El-Muhammady menyatakan,

“Antara perkara-perkara pokok dalam hubungan dengan ini ialah kedudukan alam sekitar sebagai ayat-ayat Tuhan, yang menjadi gandingan kepada ayat-ayat dari wahyu; kedudukan alam sekitar sebagai ‘tempat’ kehendak Tuhan dilaksanakan

dengan sebaik-baiknya; keperluan kita kepada hidup sederhana dengan menjaga diri dan alam sekitar supaya tidak mengalami kerosakan; kedudukan alam sekitar sebagai nikmat Tuhan yang tidak boleh disalahgunakan kerana kerakusan dan ketamakan kita; demikian seterusnya.”

(Muhammad Uthman, 1996C:53)

Hal ini terbukti bahawa masyarakat memerlukan didikan dengan penulisan yang akan membawa mereka kepada kesedaran tentang kepentingan manusia dalam menjaga alam sekitar. Hal ini penting kerana bagi memastikan alam ini terus wujud sebagai sumber ilham manusia dalam memahami ayat-ayat Tuhan.

### 9.3 Dakwah *bi-Lisan al-Hal*

Dakwah *bi al-hal* merupakan konsep dakwah dengan perbuatan nyata seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW iaitu ketika tibanya baginda pertama kali di Madinah perkara yang dilakukan baginda adalah membangunkan Masjid Quba, yang akan mempersatukan kaum Ansar dan Muhajirin dalam ikatan ukhuwah Islamiah (Nor Raudah, 2006). Memetik kata-kata Syeikh Abdul Samad, El-Muhammady (2001B) berpendapat Islam meletakkan Rasulullah SAW sebagai insan yang boleh dijadikan teladan bukan sekadar untuk dibanggakan dan bukan juga untuk di renungkan semata-mata, bahkan bertujuan bagi menampilkan teladan di hadapan umat manusia agar dapat diikuti dan diterapkan ke dalam diri umat Islam, bersesuaian dengan kemampuan masing-masing. Hal ini kerana Islam melihat keteladanan adalah sebuah alat dakwah serta pendidikan yang paling berkesan, sehinggakan Islam menetapkan sistem pendidikan secara berterusan atas prinsip teladan tersebut (Muhammad Uthman, 2001B).

El-Muhammady (2001B) menyatakan bahawa dakwah *bi lisan al-hal* ini ialah mengajak setiap manusia agar menegakkan kebenaran ajaran Islam, menguatkannya, menjaganya dan mengajak manusia mengenal tuhanya dan nabinya. Selain itu dakwah juga berperanan bagi mengajak manusia untuk melakukan ketaatan dengan kesempurnaan di dalam semua aspek serta menuntutnya ke syurga. Dalam pada masa yang sama El-Muhammady (2001B) turut mengajak mereka meninggalkan perkara-perkara yang akan membawa kepada penderitaan di dunia dan akhirat. Semua perkara tersebut akan dapat membentuk dan membina jati diri yang di kenali sebagai khyara ummah.

Menurut El-Muhammady (2001B) sekiranya sesuatu aktiviti yang dilakukan itu melibatkan kaum wanita, maka janganlah wujud percampuran dengan kaum lelaki. Batas-batas dalam pergaulan dan percampuran haruslah berada dalam lingkungan 'hudud Allah SWT' atau batasan syariat yang ketat. Dakwah adalah suatu ibadat, maka untuk menjayakan ibadat tersebut, dakwah itu haruslah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sekiranya diabaikan, tidak akan wujud keberkatan dan kejayaan di dalamnya sungguhpun dari segi zahirnya kelihatan gah dan hebat (Muhammad Uthman, 2009:7).

## 10.0 Analisis Pemikiran Dakwah EI-Muhammady

Pemikiran dan gagasan baru sering diperlukan dalam mengembangkan konsep dan aktiviti dakwah. Keperluan terhadap idea baru merupakan keharusan dalam kehidupan manusia sering mengalami perubahan yang begitu pantas dengan kemajuan ilmu dan teknologi, serta globalisasi. Oleh demikian gagasan dakwah masa depan yang sesuai dengan era globalisasi haruslah dipertimbangkan. Pemahaman umum umat Islam berkenaan dakwah sama ada seperti khutbah, ceramah dan pengajian harus sedia diperbaiki. Dakwah haruslah didefinisikan kembali dengan merangkumi tiga aktiviti dakwah berteraskan pemikiran EI-Muhammady iaitu dakwah *bi al-lisan*, *bil kitabah* dan *bi al-hal*. Dakwah *bi al-lisan* adalah perintah awal al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW yang dikenali dengan istilah *tabligh*. Kegiatan *tabligh* dapat dilakukan secara langsung antara da'i dengan sasaran dakwah atau menggunakan media seperti telefon, television, radio, media elektronik dan sebagainya.

EI-Muhammady adalah antara tokoh yang sangat produktif melalui Dakwah *bil kitabah*. Sungguhpun di zamannya teknologi informasi tidak secanggih hari ini, namun hal ini tidak menghalangnya menjadi penulis produktif. Kecanggihan teknologi dapat mempercepatkan proses dakwah. Sementara, dakwah *bi al-hal* adalah keupayaan mempraktikkan ajaran Islam dalam berbagai-bagai aspek kehidupan. Dalam kehidupan peribadi, aktiviti dakwah *bi al-hal* dimanifestasikan dalam akhlak mulia seorang Muslim. Berdasarkan penglibatan EI-Muhammady dalam ketiga-tiga bentuk dakwah ini telah menggambarkan bahawa beliau adalah seorang da'i yang meralisasikan ajaran Islam menerusi konteks kultural dalam kehidupan bagi kelangsungan hidup di dunia dan di akhirat.

Dalam konteks dakwah kultural, EI-Muhammady melakukannya menerusi organisasi dakwah seperti Ar-Rahmaniah, dan Institusi Pengajian Tinggi. Istilah kultural ini adalah perkataan bahasa Inggeris dari kata *culture* yang membawa maksud kebudayaan, kesopanan dan pemeliharaan. Hal ini bermaksud aktiviti dakwah yang dilakukan oleh masyarakat dan organisasi dengan pendekatan budaya (H. Abdullah, 2012). Menerusi konsep dakwah kultural, EI-Muhammady memulainya dengan menganggotai dan menubuhkan pertubuhan ar-Rahmaniah di Universiti Malaya (UM). Pertubuhan ini dipimpin oleh beliau sendiri bersama rakan-rakannya yang lain. Ar-Rahmaniah telah menyumbang kepada mempercepatkan proses dakwah kultural di Malaysia terutamanya di sekitar kampus UM dan Kuala Lumpur. Selain itu, Ar-Rahmaniah juga berjaya menerbitkan majalah An-Nur dan Suara ar-Rahmaniah. Majalah An-Nur dan Suara ar-Rahmaniah berperanan dalam memperluaskan konsep Islam dalam memandu kehidupan umat serta mengawal program aliran sosialis di Malaysia. Setelah berjaya menenpatkan diri sebagai pensyarah di IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam), EI-Muhammady melihat IPT sebagai institusi terbaik bagi kurikulum Islam untuk melahirkan generasi pemimpin bangsa yang dapat membawa kepada kemajuan Islam.

Selain itu menerusi dakwah kultural, da'i juga dituntut agar mengikuti peredaran zaman sama ada persoalan baru yang tumbuh secara tempatan, nasional mahupun antarabangsa. Untuk itu para da'i diperlukan dalam dua tahap iaitu ulama yang intelektual dan keintelektualan ulama. Model yang pertama iaitu ulama yang intelektual adalah da'i yang memiliki pengetahuan agama menerusi pendidikan agama di samping menambah keilmuan yang berkaitan pengetahuan umum dan teknologi. Model

keintelektualan ulama pula adalah sarjana Islam yang mendalami ilmu-ilmu tertentu kemudian mendalami keilmuan Islam sehingga berperanan sebagai da'i (H. Abdullah, 2012). Dengan ini setiap umat Islam dapat memainkan peranan menjadi da'i sesuai keilmuan masing-masing. Inilah yang diinginkan oleh El-Muhammady.

Dalam rangka pengembangan dakwah diperlukan pemikiran, idea dan gagasan dari setiap ilmuwan Islam dalam kepelbagaian bidang. Gagasan-gagasan yang sifatnya adalah rasional dan fungsional adalah sangat relevan bagi masyarakat moden. Justeru El-Muhammady melihat akan keperluan musyawarah di antara organisasi dakwah yang mempunyai keupayaan dalam melahirkan konsep-konsep baru bagi kelangsungan dakwah di masa hadapan. Konsep-konsep baru dakwah dengan memerhatikan kemajuan ilmu dan teknologi serta kesan arus globalisasi yang semakin meruncing dengan kehadiran budaya baru yang berpaksikan kepada barat yang jauh daripada nilai keislaman seperti bergaulan bebas dan budaya hidup secara hedonisme.

## 11.0 Penutup

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa El-Muhammady ternyata adalah seorang tokoh pemikiran Islam representatif yang unik yang pernah dilahirkan oleh Alam Melayu. Menerusi perspektif keilmuan Islam, *weltanschauung* ilmunya sangat padat dan memenuhi bingkai dan spektrum keilmuan di dalam segenap paras dan kosmologi. Seperti yang pernah dibincangkan, yakni keilmunya adalah berteraskan kepada ajaran al-Quran, al-Sunnah, al-Ijmak dan pendirian daripada para ulama yang muhtabar. Perkara ini dapat dilihat apabila keilmuan tasawuf dan kerohaniannya diimbangi dengan ilmu *kasbi*, ilmu tafsirnya berpandukan kepada ilmu *tawil*, dan ilmu logik dan akal dipandu arah oleh ilmu al-Quran dan Sunnah. El-Muhammady berpendirian bahawa wacana keilmuan yang memberi kefahaman dan membongkar kejahilan adalah penawar yang berkesan bagi membendong fahaman sinisme dan merupakan penyelesaian terbaik dalam mendapatkan kefahaman yang jelas, mendalam dan tepat untuk melestarikan kemelut yang berpanjangan itu dan mengeluarkan masyarakat daripada kegelapan. Pemikiran yang bersifat *status-quo* ini tidak menghalangnya dari berfikir dan prihatin tentang kedudukan agama, akidah dan dakwah kepada ummah secara keseluruhan. Setelah di kaji pemikiran agama dan dakwah El-Muhammady ini, maka di sinilah terletaknya signifikan yang di lahirkan oleh pemikir di Alam Melayu ini khususnya berkaitan dengan fahaman dan pemikiran agama serta fenomena sosio-religio masyarakat Melayu Islam di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Zain. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Mohd Zain. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Karem Zaidan. (1987). *Dasar-Dasar Ilmu Da'wah* (H.M. Asywadi Syukur) (terjemh). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Aidh Abdullah Al-Qarni. (2007). *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

- H. Abdullah. (2010). *Pemikiran dan perjuangan dakwah Hamka dan kesannya terhadap Islam di kawasan serantau*.
- Ismail Mina Ahmad. (2014). *Muhammad Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1982). *Akidah Koleksi Dakwah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2001B). *Kembali Kepada Fitrah*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2002C). *Globalization From An Islamic Perspective*. Di akses pada 9 November 2016 di <http://www.oocities.org/traditionalislam/GlobalizationFromAnIslamicPerspective.htm>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2003). *Mazhab Shafii antara Prinsip dan perkembangan*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2003D). *The Relevance of The Khaldunian Discourse*. Di akses pada 9 November 2016 di <http://www.oocities.org/traditionalislam/RelevanceKhaldunianDiscourse.htm>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2004C). *Perservation of Progency: Issues from the Shari'a Perspective*. Di akses pada 9 November 2016 di <http://www.oocities.org/traditionalislam/PreservationofProgeny.htm>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2004D). *A Learning Society: Issues And Challenges to Learners, Educators and Planners-An Islamic Perspective*. Di akses pada 9 November 2016 di <http://www.oocities.org/traditionalislam/LearningSociety.htm>
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2004F). *Knowledge Society and Quality of Life – An Islamic Perceptive*. Di akses pada 9 November 2016 di [http://www.homeolibrary.com/New\\_2013/UthmanElMuhammady/KnowledgeSociety&QualityOfLife.htm](http://www.homeolibrary.com/New_2013/UthmanElMuhammady/KnowledgeSociety&QualityOfLife.htm)
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2007). *Akal Ubudiah Bagaimana Menjayakanya: Beberapa Catitan Awal*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2007:6). *Meralisasikan Kegemilangan Ummah mengikut Pendekatan Islam Hadhari*.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2008B). *Mutaira al-Quran: Institusi Ayat-Ayat al-Quran*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2009). *Doktrin Asya'irah dalam perspektif Pembinaan Ummah Islamiyyah: Satu Pengamatan Awal*. Kuala Lumpur: Muafakat
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2010E). *Pembersihan dan Perkertibangan Diri serta Pengukuhan Rohani Menurut Kaca Mata Islam*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2010F). *Peranan Ulama dalam Bidang Penulisan Sebagai Media Dakwah*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2011C). *Siyasah Shar'iyyah sebagai Instrumen memelihara al-Din dalam konteks kecelaruan Pemikiran Pascamodernisme di kalangan Muslim Kontemporari*. Wacana Siyasah
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2012). *Menegakkan Ahl al-Sunnah Wa al Jama'ah Mengelak Daripada Syi'ah*. Kota Baharu: Majlis Agama Islam Kelantan.

- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2012B). Dakwah Islamiyyah Sebagai Kekuatan Ummah. *Wacana Pemikiran dan Beradaban Ummah ke-4*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2012C). Da'wah Sebagai Teras Induk Menegakkan Islam. *Wacana Pemikiran dan Beradaban Ummah ke-4*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Nor Raudah Hj. Siren . (2006). *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Siddiq Fadhil. (2005). Da'i Pembina Aqidah Pembangunan Ummah. *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM, Mengangkat Martabat Umat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Hlm. 75-79.
- Zikmal Fuad. (2011). Metodologi Dakwah Shaykh Muim al-Wahhab di Kalangan Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid Masjid di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin* vol.20, hlm 201-222